

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JUN 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 24
SURAT

JS-SEZ tarik perhatian dunia- PM

24 **NEGERI**
SINAR HARIAN • JUMAAT 20 JUN 2025

Sinar **JOHOR**
Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

JS-SEZ tarik perhatian dunia - PM

Dapat tumpuan pelabur antarabangsa termasuk dari Jepun, China, Korea Selatan dan negara Eropah

Oleh **NOR AZURA MD AMIN**
JOHOR BAHRU

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) terus mendapat perhatian pelabur antarabangsa termasuk dari Jepun, China, Korea Selatan dan negara-negara Eropah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif strategik itu menjadi tumpuan pemimpin dunia kerana kerjasama erat antara Malaysia dan Singapura yang menjadi manfaat bersama.

"Malahan ketika pertemuan saya dengan Perdana Menteri Jepun baru-baru ini, beliau juga membangkitkan soal JS-SEZ apabila bercakap tentang Malaysia, bukan hanya Putrajaya sahaja.

"Bukan sahaja Jepun, JS-SEZ juga telah menarik minat pelabur China, Korea Selatan dan juga negara-negara Eropah. Ini kerana zon ekonomi ini melibatkan kerjasama baik antara dua negara yang mahu melihat keduanya terima manfaat," katanya ketika berucap pada Forum Nikkei Medini Johor 2025 di Iskandar Puteri pada Khamis.

Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Menurut beliau, kejayaan inisiatif tersebut juga hasil komitmen tinggi semua pihak terlibat termasuk agensi kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri Johor dan kerajaan Singapura.

"Kredit harus diberikan kepada agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri Johor dan juga kepada Singapura kerana komited tinggi diberikan dalam menjayakan inisiatif ini," jelasnya.

Untuk rekod, JS-SEZ diwujudkan bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi kawasan sempadan Johor-Singapura melalui kerjasama dua hala dalam sektor logistik, pelaburan dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Anwar turut menyifatkan JS-SEZ sebagai satu kerjasama luar biasa yang bakal menjadi tanda aras baharu dalam hubungan ekonomi dua hala.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kemajuan JS-SEZ turut didukung oleh dasar yang jelas dan kestabilan politik.

Ujarnya, Pusat Memudacara Pelaburan Malaysia (IMFC) yang baharu ditubuhkan turut memainkan peranan penting dalam mempercepatkan prosedur kelulusan pelaburan.

"Setiap mesyuarat membawa permintaan baharu. Jika pelabur gagal mendapatkan kelulusan peringkat negeri, mereka datang kepada kami dan kita bantu. Bukan untuk kepentingan peribadi, tetapi demi manfaat negara katanya.



Anwar (depan, lima dari kanan) bergambar bersama para delegasi selepas merasmikan Forum Nikkei Medini Johor 2025 di Iskandar Puteri pada Khamis.